

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 1999/2000

April 2000

JKE 413 - Analisis Ekonomi Islam

Masa: [3 Jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

- Sila pastikan kertas soalan ini mengandungi TIGA muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
 - Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Anda dikehendaki menjawab soalan 1 dalam Bahagian A dan DUA soalan dalam Bahagian B.
 - Markah dalam kurungan merupakan wajaran yang diberikan kepada setiap soalan. Oleh itu bahagikan masa anda mengikut wajaran yang digariskan itu.
 - Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.
-

...2/-

BAHAGIAN A [40 markah]

1. (a) Bincangkan metodologi ekonomi klasik dan bandingkan dengan metodologi ekonomi Islam. Kenapakah pendekatan Islam mempertikaikan metodologi klasik? Apakah yang dimaksudkan dengan andaian peringkat tinggi dan andaian peringkat rendah dalam metodologi ekonomi Islam? Huraikan.
(20 markah)
- (b) Apakah pandangan Islam tentang kegiatan ekonomi? Apakah yang dimaksudkan dengan konsep *al-falah*? Apakah syarat-syarat untuk mencapai *al-falah*? Jelaskan.
(10 markah)
- (c) Boleh atau tidak satu sistem ekonomi itu wujud dalam Islam? Jika kita boleh mewujudkan satu sistem ekonomi dalam Islam, bagaimanakah ia akan berbeza daripada sistem ekonomi yang sekular? Bincangkan perbezaannya dari aspek paradigma, asas mikro dan objektif sistem itu.
(10 markah)

BAHAGIAN B (60 markah)

Jawab DUA soalan sahaja.

2. (a) Bincangkan perkara-perkara yang berhubung dengan objektif firma dalam Islam.
(10 markah)
- (b) Bincangkan konsep keseimbangan firma dalam Islam. Gunakan model-model keseimbangan konvensional sebagai asas rujukan dan perbandingan. Adakah satu model khusus yang boleh dilaksanakan oleh firma Islam? Jelaskan.
(10 markah)
- (c) Ahli-ahli ekonomi Islam berpendapat bahawa konsep permintaan pasaran yang berasaskan permintaan berkesan tidak dapat menjamin kesejahteraan masyarakat dalam Islam. Apakah konsep yang lebih sesuai digunakan untuk mengatasi permasalahan ini demi untuk mencapai keseimbangan pasaran yang lebih adil? Bincangkan dengan mengemukakan alasan-alasan untuk menyokong pandangan anda.
(10 markah)

...3/-

3. Kemahuan ditentukan oleh konsep utiliti manakala keperluan menurut perspektif Islam ditentukan oleh konsep *masalahah*. *Maslahah* ialah kuasa yang ada pada sesuatu barang yang dapat meningkatkan unsur-unsur asas dan objektif kehidupan manusia di dunia ini.
- (a) Apakah lima unsur kehidupan yang dapat meningkatkan matlamat kehidupan manusia di dunia ini? Huraikan secara ringkas kaitkannya dengan perkembangan kesejahteraan sesebuah masyarakat. (10 markah)
- (b) Jelaskan bagaimana pengguna memaksimumkan utiliti dalam konteks ekonomi yang tradisional. Apakah yang membezakan prinsip ini dengan pemaksimuman utiliti oleh pengguna Islam? Huraikan secara ringkas. (10 markah)
- (c) Bagaimana “*dosa*” dan “*pahala*” memainkan peranan dalam proses pemaksimuman utiliti pengguna Muslim? Terangkan dengan menggunakan satu model yang mudah. (10 markah)
4. (a) Huraikan pengertian *zakat* menurut perspektif Islam. Apakah peranan ekonomi yang dapat dimainkan oleh institusi *zakat*? Apakah permasalahan yang berkaitan dengan institusi *zakat* di Malaysia. Bincangkan secara kasar. (10 markah)
- (b) Dalam konteks pembangunan ekonomi Malaysia huraikan langkah-langkah yang harus diambil bagi melaksanakan sistem ekonomi Islam dalam pasaran barang dan pasaran kewangan. (10 markah)
- (c) Umer Chapra menggariskan enam prinsip bagi pengurusan perbelanjaan awam. Huraikan secara ringkas prinsip-prinsip tersebut. Apakah yang dimaksudkan dengan keadilan pengagihan dalam pengurusan pembiayaan awam Islam? (10 markah)

ooo000ooo

